Usah minta peruntukan keterlaluan — PM

UM 11 JUN 2003

Oleh AZNAN BAKAR

PUTRAJAYA 10 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri supaya tidak meminta peruntukan yang keterlaluan dalam Bajet 2004 kerana Kerajaan Pusat mempunyai sumber kewangan yang terhad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana jika permintaan tersebut tidak dapat dipenuhi, negeri-negeri berkenaan akan kecewa.

"Kalau hendak minta, minta secara berpatutan, kalau keterlaluan jangan kecewa apabila Kerajaan Pusat tolak.

"Saya harap rakyat juga tahu kenapa mereka tidak dapat apa yang diminta," katanya ketika merasmikan Sesi Keempat Majlis Dialog Bajet 2004 di sini hari ini.

Dialog itu melibatkan perbincangan dengan menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri serta Kelab Penyokong Kerajaan.

Pada masa sekarang kata Dr. Mahathir, ada negeri yang memohon peruntukan di antara RM1 hingga RM2 bilion.

Pada masa yang sama, beliau turut mengingatkan wakil-wakil rakyat supaya memberi penjelasan mengenai kedudukan kewangan kerajaan.

"Janganlah (wakil-wakil rakyat) cakap kepada rakyat, kami sudah minta tetapi Kerajaan Pusat tidak bagi," kata beliau.

Dalam sidang akhbarnya selepas itu, Dr. Mahathir turut meminta kerajaan negeri supaya tidak membuat janji yang keterlaluan pada pilihan raya kerana bimbang ia tidak dapat dipenuhi.

Wakil-wakil rakyat juga kata Perdana Menteri, perlu memberikan perhatian kepada keperluan lain selain fizikal seperti isu kemiskinan dan kebajikan, kerana apa yang lebih kritikal ialah rungutan berkaitan jentera pelaksana sama ada oleh sektor awam atau swasta.

Katanya, jika masalah rakyat gagal ditangani maka usaha kerajaan yang membelanjakan berbilion ringgit bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat akan gagal manakala rakyat pastinya akan merungut.

"Kerajaan akan menerima pelbagai tuduhan termasuk rasuah, penyelewengan dan lain-lain," katanya.

Apabila ditanya punca kerajaan negeri memohon peruntukan yang begitu besar, Dr. Mahathir berkata: "Pendapat sesetengah orang ialah Kerajaan Pusat mempunyai duit banyak, jadi mereka minta sahajalah."

Sedangkan, menurut beliau, dana yang dimiliki oleh Kerajaan Pusat adalah terhad kerana sumbernya hanyalah daripada cukai-cukai yang dikenakan.

"Kita macam orang lain juga, dana kita terhad dan kita perlu bijak membelanjakannya," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, perbelanjaan yang tidak dibuat dengan berhati-hati akan mengakibatkan kerajaan berhutang dan seterusnya mendatangkan masalah kepada negara.